

**SOALAN NO: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**  
**TARIKH : 19 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit barah di negara ini mengikut jenis barah yang dihidapi, umur dan jantina dalam tempoh 5 tahun yang lepas dan apakah inisiatif oleh Kementerian untuk membantu golongan miskin untuk menguruskan perubatan dan rawatan barah yang mahal.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Registri Kanser Kebangsaan dalam proses penerbitan buku laporan komposit lima (5) tahun 2007-2011. Mengikut Laporan Kanser Kebangsaan 2007 yang terakhir diterbitkan, tiga (3) jenis penyakit kanser yang kerap dihidapi oleh rakyat di Malaysia adalah kanser payudara, kanser usus dan kanser paru-paru.

Menurut Laporan Kanser Kebangsaan yang diterbitkan pada tahun 2007, kanser payudara adalah kanser yang paling kerap berlaku di kalangan penduduk Malaysia tanpa mengira jantina. Sejumlah 3,292 kes kanser payudara telah didiagnosa pada tahun 2007 dan dilaporkan ke Registri Kanser Kebangsaan. Kanser payudara mula meningkat dengan ketara dari umur 50 tahun ke atas.

Manakala kanser usus besar mencatatkan bilangan kes kanser kedua tertinggi iaitu sebanyak 2,246. Kaum lelaki mencatatkan bilangan sebanyak 1,235 kes dan kaum wanita mencatatkan bilangan sebanyak 1,011 kes. Kanser usus besar mula meningkat dengan ketara dari umur 50 tahun ke atas.

Kanser paru-paru mencatatkan bilangan kes sebanyak 1,865 dan merupakan kanser ketiga tertinggi di kalangan rakyat di Malaysia. Kanser paru-paru paling kerap berlaku dikalangan kaum lelaki iaitu sebanyak 1,320 kes berbanding kaum wanita iaitu sebanyak 545 kes. Kanser paru-paru meningkat dari umur 45 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM menyedari dan prihatin akan masalah bebanan yang ditanggung oleh pesakit kanser. KKM telah membelanjakan peruntukan dibawah Belanja Mengurus aktiviti Radioterapi dan Onkologi untuk ubat-ubatan pada tahun ini sebanyak RM253.4 juta. Keperluan peruntukan tambahan Belanja Mengurus bagi pusat kanser sedia ada adalah RM5 juta setiap pusat . Manakala jumlah Belanja Mengurus bagi bahan

konsumabel dan ubat-ubatan bagi setiap pusat adalah RM20 juta setahun. Sebanyak RM2.55 juta pula dibelanjakan untuk perkhidmatan paliatif dan RM61 juta bagi perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi yang merangkumi kos ubat-ubatan dan konsumabel untuk *acute pain services* bagi rawatan pesakit termasuklah pesakit kanser.

Kadar caj yang dikenakan kepada pesakit kanser adalah mengikut perintah Fi (perubatan) 1982 di mana pesakit kanser dikenakan kadar bayaran yang berpatutan iaitu rawatan Kemoterapi bagi Kelas 1 adalah RM200 per rawatan, Kelas 2 adalah RM100 per rawatan dan Kelas 3 pula sebanyak RM50 per rawatan.

Walaubagaimanapun caj maksimum bagi pesakit Kelas 3 hendaklah tidak melebihi RM500 bagi setiap kali dimasukkan ke hospital. Pesakit warga emas Kelas 3 juga diberikan kadar caj pengurangan sebanyak 50% mengikut Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 2 tahun 2012 Pelaksanaan Pengecualian Caj Pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Pakar sebanyak RM5 dan Pengurangan Caj sebanyak 50% bagi Pesakit Kelas 3 di Hospital / Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia kepada semua pesakit warganegara yang berumur 60 tahun dan ke atas.

Pesakit kanser akan dirujuk kepada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia bagi mendapatkan bantuan peralatan perubatan (termasuklah ubat-ubatan dan kerusi roda) yang tidak dibekalkan oleh hospital kerajaan dan juga bagi mendapatkan bantuan kewangan segera sekiranya mereka berada dalam situasi kecemasan dan krisis semasa mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan.

Pesakit kanser tersebut juga turut dirujuk kepada Majlis Kanser Negara dan Persatuan Kanser Malaysia yang menyediakan perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat kepada penghidap penyakit kanser dan ahli keluarga.

Bagi pesakit beragama Islam, mereka boleh dirujuk kepada Majlis Agama Islam untuk mendapatkan bantuan dari Lembaga Zakat.